

dalam Ka'bah).⁵¹¹ Kemudian Baginda s.a.w. keluar lalu bersembahyang dua raka'at di muka (di hadapan pintu) Ka'bah."⁵¹²

٣٨٣ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبَيْتَ دَعَا فِي نَوَاحِيهِ كُلِّهَا وَلَمْ يُصَلِّ حَتَّى خَرَجَ مِنْهُ فَلَمَّا خَرَجَ رَكَعَ رَكْعَتَيْنِ فِي قُبُلِ الْكَعْبَةِ وَقَالَ هَذِهِ الْقِبْلَةُ

383- Ishaq bin Nashr meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Razzaaq meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Juraij meriwayatkan kepada kami daripada Athaa', katanya: Saya telah mendengar Ibnu 'Abbaas mengatakan: Setelah Nabi s.a.w. masuk ke dalam Baitillah, Baginda s.a.w. berdoa di setiap penjuruinya tetapi tidak bersembahyang kecuali setelah keluar daripadanya.⁵¹³ Apabila keluar, beliau s.a.w. mengerjakan dua raka'at sembahyang dengan menghadap (terus) ke hadapan Ka'bah, kemudian bersabda: "Inilah qiblat."⁵¹⁴

⁵¹¹ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang hukum bersembahyang di dalam Ka'bah. Imam Bukhari, Abu Hanifah, Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' berpendapat harus bersembahyang sunat mutlaq di dalam Ka'bah kerana hadits Bilal ini. Tetapi Malik dan Ahmad berpendapat tidak harus bersembahyang fardhu, witr, sunat subuh dan sunat thawaf di dalamnya. Jumhur 'ulama' termasuk Bukhari, juga berpendapat seseorang harus bersembahyang fardhu atau sunat di atas bumbung Ka'bah biar ke arah mana sekalipun dia menghadap. Tetapi Malik dan Ahmad tidak mengharuskannya. Syafi'e pula mensyaratkan untuk sahnya sembahyang seseorang di atas bumbung Ka'bah ialah mesti ada sesuatu sutrah (penghadang) daripada binaan Ka'bah di hadapannya. Asas kepada perbezaan pendapat itu ialah sama ada zat Ka'bah itu sendiri dianggap sebagai qiblah atau tapak tanah dan ruang di mana terletaknya Ka'bah itu, bermula daripada bahagian bawah tanah (petala bumi) hingga ke ruang angkasanya dan sama ada bangunan Ka'bah itu wujud atau tidak wujud di ruangan itu.

⁵¹² Perbuatan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di muka (di hadapan) pintu Ka'bah selepas keluar daripadanya jelas menunjukkan bahawa bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim atau di tempat yang berdekatan dengannya seperti yang tersebut di dalam firman Allah di atas bukan wajib. Hadits ini juga menyatakan Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di dalam Ka'bah. Maka ia merupakan satu lagi bukti bahawa tidak wajib bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim atau di tempat yang berdekatan dengannya. Jika perintah di dalam ayat itu sememangnya memberi erti wajib, tentulah Rasulullah tidak bersembahyang di dalam Ka'bah atau di hadapan pintunya dengan membelakangi Maqam Ibrahim. Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Harus (boleh) masuk ke dalam Ka'bah. (2) Elok bersembahyang dua raka'at di dalam Ka'bah jika berkesempatan memasukinya. (3) Elok juga berdoa di dalamnya. (4) Keharusan menghadap ke arah mana sahaja ketika bersembahyang di dalam Ka'bah. (5) Sembahyang yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah ialah sembahyang sunat bukan sembahyang fardhu. (6) Sunat bersembahyang dua raka'at selepas keluar daripada Ka'bah. (7) Sembahyang tidak semestinya dikerjakan di belakang Maqam Ibrahim. Ia boleh juga dikerjakan dengan membelakanginya di muka pintu Ka'bah atau di bahagian-bahagian lain asalkan dengan menghadap ke arah Ka'bah. (8) Hadits Bilal ini merupakan hujah yang jelas untuk menolak pendapat 'ulama' seperti Thawus, Ibnu Jarir at-Thabari, Ashbagh dan lain-lain di mana mereka mengatakan bahawa tidak harus bersembahyang di dalam Ka'bah sama ada sembahyang fardhu atau sunat. Pendapat yang benar ialah harus bersembahyang fardhu atau sunat di dalam Ka'bah sama ada dengan berjama'ah atau secara bersendirian. Inilah pendapat Bukhari, Abu Hanifah, Syafi'e, ats-Tsauri dan jumhur 'ulama'. (9) Keharusan menutup pintu Ka'bah setelah memasukinya.

⁵¹³ Hadits Ibnu 'Abbaas ini jelas bertentangan dengan hadits Bilal sebelumnya. Bagaimanapun Ahlul Hadits sepakat mengatakan hadits Bilal lebih patut diutamakan daripada hadits Ibnu 'Abbaas kerana tiga alasan. **Pertama:** Hadits Bilal menyabitkan adanya perbuatan Rasulullah s.a.w. bersembahyang dua raka'at di dalam Ka'bah. Hadits Ibnu 'Abbaas pula menafikannya. Menurut qaedah usul: Dalil yang menyabitkan sesuatu (perlu) diutamakan daripada dalil yang menafikannya. (الثبوت مقدم على النافي). **Kedua:** Atsar-atsar sahabat yang menyatakan Rasulullah s.a.w. telah

bersembahyang di dalam Ka'bah lebih banyak daripada atsar-atsar yang menafikannya. Selain Bilal terdapat ramai lagi sahabat lain yang mengisbatkan sembahyang Nabi s.a.w. di dalam Ka'bah. Antara mereka ialah 'Umar bin al-Khatthaab, Jabir, Syaibah bin 'Utsman, 'Utsman bin Thalhah dan Usamah sendiri. Imam Thahawi mengemukakan riwayat-riwayat mereka melalui banyak saluran di dalam kitabnya Syarah Ma'anil Aatsaar. Riwayat-riwayat itu sekurang-kurangnya bertaraf hasan. **Ketiga:** Bilal menyaksikan sendiri Rasulullah s.a.w. bersembahyang di dalam Ka'bah kerana beliau juga telah masuk ke dalamnya bersama Baginda s.a.w. Adapun hadits Ibnu 'Abbaas, ia adalah mursals kerana beliau sendiri tidak masuk ke dalam Ka'bah bersama Nabi s.a.w. Penafian Ibnu 'Abbaas semata-mata bersandarkan sama ada kepada riwayat Usamah atau riwayat abangnya Fadhal. Memanglah benar Usamah juga telah masuk ke dalam Ka'bah bersama Nabi s.a.w. Tetapi masuknya Fadhal adalah sesuatu yang tidak tsabit kecuali melalui riwayat yang syaz. Penafian Usamah pula adalah semata-mata berdasarkan kepada pengetahuannya. Ia mungkin sekali berlaku apabila diambil kira beberapa perkara yang memang wujud dan telah berlaku ketika mereka berada di dalam Ka'bah pada waktu itu. Antaranya ialah: (1) Suasana agak gelap di dalam Ka'bah. Ini kerana setelah Rasulullah s.a.w., Bilal, Usamah dan 'Utsman bin Thalhah al-Hajabi (penjaga pintu Ka'bah dan pemegang anak kuncinya) masuk ke dalam Ka'bah, mereka menutup pintunya. (2) Mungkin sekali apabila Usamah melihat Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah, beliau juga turut berdoa tetapi di suatu penjuru yang lain. Oleh kerana sembahyang Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah itu terlalu ringkas, maka Usamah tidak terperasan pun yang Baginda s.a.w. juga telah bersembahyang. (3) Berdasarkan riwayat Abu Daud at-Thayalisi di dalam Musnadnya daripada Usamah, dapat diketahui Usamah ada keluar sebentar daripada Ka'bah untuk mengambil air setelah masuk ke dalamnya bersama-sama Rasulullah s.a.w. Oleh kerana Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang ketika Usamah keluar daripada Ka'bah, maka ada logiknya jika ia tidak diketahui Usamah. Berdasarkan riwayat Muslim daripada Usamah melalui Ibnu 'Abbaas jelas terdapat penafian sembahyang Nabi s.a.w. di dalam Ka'bah oleh beliau. Tetapi berdasarkan riwayat Ahmad dan lain-lain daripada Usamah menerusi Ibnu 'Umar pula beliau (Usamah) menyabitkan sembahyang Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah. Dari itu dapatlah disimpulkan bahawa penafian Usamah adalah berdasarkan pengetahuannya secara langsung sahaja. Sementara pengakuannya tentang Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di dalam Ka'bah pula adalah berdasarkan ma'lumat yang diperolehi daripada orang-orang lain. Oleh kerana terdapat khilaf di dalam riwayat daripada Usamah berhubung dengan telah bersembahyang atau tidaknya Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah, sedangkan riwayat Bilal pula tetap teguh tanpa sebarang khilaf, maka semestinyalah riwayat Bilal itu diutamakan daripada riwayat Usamah. Sesetengah 'ulama' seperti Ibnu Hibbaan, al-Muhallab dan lain-lain, cuba menghilangkan pertentangan di antara dua hadits ini dengan mengandaikan Rasulullah s.a.w. telah masuk ke dalam Ka'bah dua kali. Kali pertama ketika pembukaan Mekah pada tahun kelapan dan kali kedua pada tahun kesepuluh ketika mengerjakan haji wadaa' (haji perpisahan). Hadits Bilal menceritakan peristiwa pada tahun kelapan dan hadits Ibnu 'Abbaas atau hadits Usamah pula menceritakan peristiwa pada tahun kesepuluh iaitu ketika Nabi s.a.w. mengerjakan haji wadaa'. Tetapi pendapat atau andaian ini sangat lemah dan disangkal oleh tokoh-tokoh hadits seperti Ibnu Rajab dan lain-lain. Alasannya ialah: (1) Ibnu 'Abbaas, Usamah atau lain-lain orang yang menafikan sembahyang Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah itu, tidak menafikannya hanya dalam peristiwa haji wadaa' dan menerimanya dalam peristiwa pembukaan Mekah. Malah mereka menafikan langsung sembahyang itu. Bagi mereka yang ada hanyalah Baginda s.a.w. berdoa di dalamnya. (2) Terbukti berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih bahawa Nabi s.a.w. tidak masuk langsung ke dalam Ka'bah pada ketika mengerjakan haji wadaa'. Bagaimana akan dikatakan Baginda s.a.w. sama ada bersembahyang atau berdoa sahaja di dalamnya!

⁵¹⁴ Hadits ini juga menunjukkan perintah supaya bersembahyang di belakang Maqam Ibrahim atau di tempat yang berdekatan dengannya bukan sesuatu yang wajib. Yang wajib ialah menghadap Baitillah itu sahaja. Untuk menyatakan hakikat inilah Rasulullah s.a.w. bersabda di dalam hadits di atas: "Inilah qiblat." Selain itu Kata-kata Baginda s.a.w. ini mungkin juga mengandungi beberapa maksud berikut ini: (1) Inilah qiblat yang kekal utukmu dan ia tidak akan dimansuhkan buat selama-lamanya. (2) Dengan berkata begini Rasulullah s.a.w. sebenarnya mahu menunjukkan tempat dan kedudukan yang elok dan boleh juga diambil oleh imam apabila bersembahyang di hadapan Ka'bah. Imam hendaknya berdiri di hadapan pintu Ka'bah, bukan di bucu atau di tampang-tampang lain selain tampang di mana terdapatnya pintu Ka'bah. Walaupun bersembahyang di tempat-tempat itu juga sah tetapi tempat imam yang sepatutnya ialah di tempat Rasulullah s.a.w. bersembahyang selepas keluar daripada Ka'bah dalam peristiwa ini. Itulah juga tempat Jibril mengimami Nabi s.a.w. untuk menjelaskan waktu-waktu sembahyang dalam sehari semalam selepas Baginda s.a.w. menerima sembahyang fardhu pada malam Mi'raaj. (3) Hukum orang yang bersembahyang dalam keadaan nampak Ka'bah dengan mata kepalanya tidak sama dengan hukum orang yang bersembahyang dalam keadaan Ka'bah tidak kelihatan kepadanya. Orang yang nampak Ka'bah hendaklah bersembahyang dengan menghadap terus kepadanya. Dia tidak boleh sama sekali berijtihad seperti orang yang jauh daripada Ka'bah atau orang yang tidak nampak Ka'bah dengan mata kepalanya. (4) Ka'bah inilah Masjidil Haram yang diperintahkan kita umat Islam supaya menghadap ke

باب التَّوَجُّهِ نَحْوَ الْقِبْلَةِ حَيْثُ كَانَ وَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَكَبِّرْ ١٢/٥٣/١١

4- Bab Menghadap Ke Arah Qiblat Di Mana Sahaja Seseorang Itu Berada.⁵¹⁵ Abu Hurairah Berkata: Nabi S.A.W. Bersabda: "Menghadaplah Kamu Ke Arah Qiblat Dan Bertakbirlah."⁵¹⁶

٣٨٤ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَجَاءٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ أَنْ يُوجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ) فَتَوَجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ وَقَالَ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ وَهُمْ الْيَهُودُ (مَا وَلَاهُمْ عَنْ قِبَلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا) قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (فَصَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ ثُمَّ خَرَجَ بَعْدَ مَا صَلَّى فَمَرَّ عَلَى قَوْمٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ فَقَالَ هُوَ يَشْهَدُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّهُ تَوَجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ فَخَرَّفَ الْقَوْمُ حَتَّى تَوَجَّهُوا نَحْوَ الْكَعْبَةِ

384- 'Abdullah bin Raja' meriwayatkan kepada kami, katanya: Isra'il meriwayatkan kepada kami daripada Abi Ishaq daripada Baraa' katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang ke arah Baitil Maqdis selama enam belas bulan atau tujuh belas bulan.⁵¹⁷ Sebenarnya Rasulullah s.a.w. suka kalau

arahnya ketika bersembahyang di dalam ayat ini: (oleh itu hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. (al-Baqarah:144). Al-Masjidil Haram di dalam ayat ini bukan Mekah, bukan tanah haram Mekah kesemua sekali, bukan juga masjid di sekeliling Ka'bah tetapi Ka'bah itu sendiri sahaja.

⁵¹⁵ Pensyarah-pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang tujuan Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini. Perbezaan pendapat mereka itu adalah seperti berikut: (1) Kirmani dan Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi berpendapat: Kewajipan menghadap qiblat itu tidak khusus hanya dengan sesuatu tempat termasuk di masjid Nabi s.a.w., malah ia diwajibkan di mana-mana sahaja apabila seseorang mahu mengerjakan sembahyang. Itulah yang dikehendaki Allah melalui firmanNya ini: وَحَيْثُمَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ (di mana sahaja kamu berada, hadapkanlah mukamu ke arahnya (Ka'bah ketika bersembahyang). Kerana itulah juga para sahabat yang sedang bersembahyang 'Ashar di masjid Bani Haritsah dan yang sedang bersembahyang subuh di masjid Qubaa', terus berpaling ke arah qiblat baharu (Ka'bah) sebaik sahaja mereka diberitahu orang tentang perpalingan arah qiblat. (2) Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari seperti Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, Ibnu Rajab dan lain-lain berpendapat tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan kewajipan menghadap qiblat ketika bersembahyang fardhu tidak khusus dengan seseorang yang menetap (bermukim) di sesuatu tempat sahaja, bahkan ia juga merangkumi orang-orang yang sedang bermusafir. Hakikat ini dapat anda lihat pada hadits kedua di bawah bab ini iaitu hadits yang diriwayatkan oleh Jabir. (3) Syeikhul Hadits Maulana Muhammad Zakariya r.a. berpendapat, maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada zahir hadits Abu Hurairah yang dikemukakan oleh beliau di dalam tajuk bab di atas bahawa kewajipan menghadap qiblat hanya perlu di permulaan sembahyang sahaja ketika seseorang bertakbiratu al-ihraam. Padahal ia juga wajib ketika sedang bersembahyang seperti yang dilakukan oleh sahabat-sahabat di masjid Bani Haritsah dan di masjid Qubaa'. Bukan setakat itu sahaja, malah menghadap qiblat juga wajib ketika seseorang hendak bersujud sahwi di akhir sembahyangnya. Hakikat ini dapat anda lihat pada perbuatan Nabi s.a.w. di dalam hadits ketiga di bawah bab ini yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mas'ud r.a.

⁵¹⁶ Hadits Abu Hurairah yang mu'allaq ini adalah sebahagian daripada hadits (al-musii' fi shalatihi) yang panjang. Imam Bukhari sendiri mewashalkannya daripada Abi Hurairah di dalam Kitab al-Musii'.

⁵¹⁷ Hadits Baraa' bin 'Aazib melalui riwayat Israil daripada Abi Ishaq ini adalah dengan syak sama ada enam belas bulan atau tujuh belas bulan. Demikian juga terdapat syak di dalam riwayat Bukhari melalui Zuhair dan Sufyan. Tetapi Abu 'Awaanah di dalam Sahihnya meriwayatkan daripada Abi Nu'aim tanpa syak bahawa Baraa' berkata: Enam belas

baginda dihadapkan (diperintahkan menghadap) ke arah Ka'bah.⁵¹⁸ Selepas itu Allah 'azzawajalla menurunkan ayat: (فَذَرْنِي يَنْقَلِبْ فِي السَّمَاءِ) Bermaksud: "Sesungguhnya Kami melihat engkau (Wahai Muhammad) berkali-kali menengadah ke langit." Maka menghadaplah Nabi s.a.w. ke arah Ka'bah.⁵¹⁹ Orang-orang yang bodoh dari kalangan masyarakat iaitu orang-orang Yahudi pula berkata (seperti yang dinyatakan di dalam al-Qur'an): "Apakah yang menyebabkan mereka (orang-orang Islam) berpaling dari qiblat yang mereka hadapi sebelum ini? Katakanlah (wahai Muhammad): Kepunyaan Allah jua timur dan barat itu. Allah menunjukkan kepada sesiapa yang dikehendakiNya jalan yang betul." Setelah selesai bersembahyang bersama Nabi s.a.w, ada seorang

bulan. Demikian juga riwayat Muslim melalui saluran al-Ahwash dan Nasaa'i melalui saluran Zakariya bin Abi Zaa'idah. Di dalam riwayat Ahmad dan Thabaraani daripada Ibnu 'Abbaas tersebut selama tujuh belas bulan. Imam Nawawi mentarjihkan riwayat enam belas bulan. Qadhi 'Iyaadh pula mentarjihkan riwayat tujuh belas bulan. Antara tokoh yang membenarkan riwayat tujuh belas bulan ialah Sa'id bin al-Musayyab, Imam Malik dan al-Qurthubi. Kedua-dua riwayat ini dengan penyokong masing-masing tetap benar apabila diambil kira apa yang sebenarnya telah berlaku. Rasulullah s.a.w. tiba di Madinah pada bulan Rabi' al-awwal tanpa khilaf. Perpalingan arah qiblat pula menurut riwayat sahih yang menjadi pegangan jumhur 'ulama', telah berlaku pada pertengahan bulan Rajab tahun kedua Hijrah dua bulan sebelum berlakunya peperangan Badar. Orang yang mengira bulan ketibaan Nabi s.a.w. ke Madinah dan bulan perpalingan qiblat secara berasingan, menerima riwayat tujuh belas bulan sebagai benar. Sementara orang yang mengira kedua-duanya sebagai satu bulan pula menerima riwayat enam belas bulan sebagai yang benar.

⁵¹⁸ Sebabnya Rasulullah s.a.w. lebih suka dihadapkan ke arah Ka'bah ialah kerana beberapa perkara berikut ini: (1) Ka'bah adalah qiblat nabi Ibrahim a.s. Demikian kata Ibnu 'Abbaas. (2) Ka'bah sebagai qiblat akan lebih menarik hati orang-orang Arab untuk memeluk agama Islam. (3) Dengan berqiblatkan Ka'bah bererti umat Islam menyalahi amalan orang-orang Yahudi. Demikian kata Mujahid. Banyak sekali terdapat perintah Rasulullah s.a.w. kepada umatnya supaya menyalahi Yahudi. (4) Supaya berbeza qiblat orang-orang Islam daripada qiblat orang-orang Yahudi. (5) Rasulullah s.a.w. telah pun mengetahui bahawa qiblat akan dipalingkan ke lain. Tetapi Baginda s.a.w. belum mengetahui dengan pasti tentang qiblat yang baharu. Oleh kerana Ka'bah adalah qiblat nabi Ibrahim dan banyak sekali ajarannya telah diestuai Allah untuk umat Islam, maka Rasulullah s.a.w. mengharapkan Ka'bahlah yang akan ditentukan sebagai qiblat. (6) Orang-orang Yahudi memang tahu melalui kitab suci mereka bahawa nabi akhir zaman akan dipalingkan arah qiblatnya daripada Baitil Maqdis, maka suka sangatlah Nabi s.a.w. kalau mendapat perintah daripada Allah tentang peralihan arah qiblat itu demi membuktikan kebenaran kenabiannya. (7) Peralihan arah qiblat akan merupakan isyarat besar kepada tamatnya peranan Bani Israil dalam hal ehwal keagamaan, lantaran hilangnya kelayakan untuk jawatan penting itu daripada mereka. (8) Peralihan arah qiblat merupakan satu lagi penapis untuk menilai sama ada iman dan Islam seseorang pada waktu itu tulen atau palsu.

⁵¹⁹ Para 'ulama' terbahagi kepada tiga golongan dalam menentukan qiblat Nabi s.a.w. dan umat Islam semasa mereka berada di Mekah sebelum berhijrah ke Madinah. **Golongan pertama** mengatakan, semasa di Mekah Nabi s.a.w. dan pengikut-pengikutnya menghadap ke arah Ka'bah. Setelah berhijrah ke Madinah mereka diperintah supaya menghadap ke arah Baitil Maqdis selama enam belas atau tujuh belas bulan seperti tersebut di dalam hadits di atas. Inilah pendapat jumhur 'ulama'. **Golongan kedua** mengatakan, semasa di Mekah lagi Rasulullah s.a.w. telah diperintah menghadap ke arah Baitil Maqdis, tetapi Baginda s.a.w. bersembahyang ke arahnya dengan menghadap juga ke arah Ka'bah. Maksudnya ialah dengan tidak membelakangi Ka'bah. **Golongan ketiga** pula mengatakan, qiblat umat Islam semasa di Mekah ialah Baitil Maqdis sahaja. Setelah berhijrah ke Madinah mereka terus menghadap ke arahnya selama enam belas atau tujuh belas bulan. Selepas itu barulah mereka diperintah menghadap ke arah Ka'bah. Perintah menghadap ke arah Baitil Maqdis diketahui melalui hadits (al-wahyu al-khafi). Manakala perintah supaya menghadap ke arah Ka'bah pula adalah berdasarkan al-Qur'an. Perintah al-Qur'an inilah yang memansuhkan perintah sebelumnya. Maka dengan itu Baitil Maqdis tidak lagi menjadi qiblat orang-orang Islam. Yang menjadi qiblat umat Islam buat selama-lamanya hanyalah Ka'bah al-Musyarrafah.